25

Dua Sifat Tercela

Daripada Abu Said al-Khudri RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَصْلَتَانِ لاَ يَجْتَمِعَانِ فِي مُؤْمِنٍ: الْبُخْلُ، وَسُوْءُ الْخُلُقِ

Maksudnya: *"Dua sifat yang tidak terdapat pada orang yang beriman, iaitu bakhil dan akhlak yang buruk."*

Riwayat al-Tirmizi (1962) dan dalam sanadnya ada kelemahan.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *cela* ialah *kekurangan, cacat, cedera, aib, noda, kecaman, dan kritik.* Sedangkan *tercela* pula ialah *tercacat, dapat (patut) dicela.*

2. Hadis ini menggambarkan betapa dua sifat tersebut tidak layak menjadi pakaian peribadi mukmin atau muslim sejati. Ini kerana dua sifat tersebut menghalang untuk menjadikan masyarakat harmoni dan berkasih sayang. Secara terperincinya ialah kerana sifat bakhil menyebabkan harta menjadi beku, golongan miskin tetap miskin, baitul mal tidak mendapat bahagian zakat dan sedekah dan yang lebih parah jiwa yang bakhil menyebabkan warisan kepada sahabat-sahabatnya sehingga bertapak dalam sanubari mereka dan benarlah apa yang disifatkan Allah dalam al-Quran, Surah al-Maun yang menamakan golongan seperti ini sebagai yang mendustakan agama. Firman Allah SWT:

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ﴿١﴾ فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا

يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ

Maksudnya: *Tahukah kamu orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim. Dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin.*

(Surah al-Ma'un: 1-3)

3. Adapun sifat yang kedua iaitu akhlak yang buruk merupakan barah kepada kehidupan seseorang atau masyarakat. Antara sebab kaum musyrikin ketika sebelum dan permulaan kebangkitan risalah mereka dikenali sebagai *Jahiliyah*. Ini kerana terkumpul pada mereka kejahilan akidah serta muflisnya moral dan akhlak.

4. Tindakan mereka menyembah patung berhala, membunuh anak perempuan hidup-hidup, memakan bangkai dan melakukan penyelewengan merupakan ciri-ciri akhlak yang buruk. Justeru, Islam cuba membetul dan membaik pulih kepincangan akhlak ini dengan nilai-nilai murni dan moral yang tinggi, yang dinamakan juga dengan sifat *mahmudah*.

5. Alangkah baiknya kita dapat menjana masyarakat yang prihatin dan cakna sesama mereka dengan sifat pemurah dan akhlak yang baik sentiasa dipamerkan dalam hubungan sesama mereka. Hal ini sudah pasti membawa kehidupan yang penuh kebahagiaan.

Mutiara Hikmah

- **Pujangga berkata:** Biasakan untuk mengeluarkan sedekah, meskipun sedikit kerana sedekah akan memadamkan api kesalahan, mengembirakan hati, menghilangkan keresahan dan akan menambahkan rezeki.

- **Pujangga berkata:** Berapa banyak anda meminta, tapi Dia selalu memberi. Berapa banyak anda memohon, dan Dia pun memberi secara percuma. Berapa banyak anda memalukan kesalahan, dan Dia yang meluruskan. Berapa banyak anda mengalami kesulitan, dan Dia kemudian yang memudahkan dan berapa banyak anda berdoa, lalu Allah mengkabulkannya.

Kisah Teladan

Kisah ini diceritakan dari sesetengah bangsa Kurdis. Yang mana, setengahnya pernah menjadi penyamun dan menghalang perjalanan orang serta merampas harta bendanya, lalu berkata:

Pada suatu hari ketika aku bersama kawan-kawanku (dari kalangan penyamun) keluar untuk merompak kafilah-kafilah, kami tiba di suatu tempat untuk berehat. Di situ aku lihat ada tiga batang pohon kurma. Dua pohon di antaranya lebat penuh dengan buah-buahan, manakala pohon yang ketiga, pohon jantan yang sama sekali tidak ada buahnya.

Setelah kami mengambil sedikit dari buah-buahan itu untuk dimakan sementara kami berehat, aku lihat ada seekor burung yang sibuk berulang-alik di antara dua pohon kurma yang berbuah itu membawa kurma di muncungnya lalu melemparkan buah kurma ke pohon jantan yang tidak berbuah. Aku terus memerhati setiap gerak geri burung itu kerana ingin tahu apa sebabnya dia melakukan sedemikian rupa.

Oleh kerana ingin tahu aku terus memanjat pohon yang ketiga, rupa-rupanya di atas pohon itu ada seekor ular yang berlengkar di situ, kepalanya tercatuk, sedang mulutnya dingangakan setiap kali mendengar risik benda yang datang ke situ. Aku menyangka mata ular itu buta dan tidak mengganas, bagaimanapun takkan dia mendiamkan diri membiarkan apa sahaja yang datang mendekatinya. Aku segera turun dari pohon itu dan terus memerhatikan burung tadi. Aku kira banyak kali burung itu berulang-alik membawa makan kepada ular buta itu.

Sejak hari itu, aku terus diganggu oleh perasaan risau dan muram disebabkan oleh peristiwa yang aku lihat antara ular buta dengan burung yang baik hati. Kadangkala sampai setitis air mataku jatuh berderai kerana memikirkan mengapa aku sampai ditakdirkan Allah menjadi penyamun dan perompak harta benda orang dan menganggu ketenteraman orang yang tidak berdoasa. Mengapa aku tidak menjadi seperti burung itu sahaja, yang membantu ular buta itu tadi meskipun dia tahu bahawa sikap ular itu sentiasa mengganas.

Aku insaf di atas segala perbuatan diriku sendiri, dan aku bertekad untuk kembali ke jalan yang benar dengan bertaubat kepada Allah SWT agar segala dosa dan kesalahanku diampunkan.

Ya Allah! Ya Tuhan! Aku bertaubat kepada-Mu dari segala apa yang pernah aku lakukan dan aku berjanji tidak kan mengulangi lagi perbuatan yang jahat. Kemudian aku mematah-matahkan pedangku dan menaburkan tanah keatas kepalaku seraya menjerit sekuat hati.

Ya Allah! Hapuskan dosaku! Padamkan segala kesalahanku! Maka di situlah juga aku mendengar satu suara yang menyeruku: Hai hamba yang memohon dihapuskan dosanya! Allah SWT telah menghapuskan dosamu! Aku mendengar suara itu dengan jelas sekali, aku kini gembira sekali mengetahui bahawa Allah telah menghapuskan dosaku.

Aku terus mendapatkan rakan-rakanku yang sedang menungguku, sedangkan di kedua belah tanganku terdapat serpihan pedang yang sudah aku patah-patahkan itu, mereka lalu bertanya: Apa yang telah terjadi pada dirimu? Aku dulu tersingkir jauh dan sekarang aku telah membuat perdamaian, jawabku kepada mereka. Perdamaian kepada siapa? Tanya mereka serentak.

Pendamaian kepada Allah dan aku telah dikabulkan permintaanku, jawabku sambil menangis. Mereka terkejut melihat aku menangis, mungkin mereka menyangka bahawa orang yang menjadi ketua perompak tidak patut menangis, bahkan selalu ketawa sahaja. Apa dia? Tanya mereka sambil terpinga-pinga melihatku sedang menangis. Aku telah diberikan pengampunan, dan aku bertaubat tidak akan merompak orang lagi. Mereka berdiam diri. Mungkin mereka juga telah sedar dari kerja-kerja yang salah dan dosa yang mereka lakukan selama ini di bawah arahanku.

Bertaubatlah kamu sekalian! Aku memohon kepada mereka: Ya, kami juga ingin bertaubat dan membuat pendamaian kepada Allah, jawab mereka serentak. Lalu mereka mematah-matahkan senjata masing-masing, kemudian bertaubat kepada Allah dan aku tahu memang mereka benar-benar bertaubat. Dari situ kami bersepakat menuju ke Mekah untuk tinggal dan beribadah di sana, setelah berjalan selama tiga hari, kami tiba di satu kampung untuk berehat, sementara kami sedang duduk di bawah sebuah pohon yang rendang untuk berteduh daripada panas terik.

Tiba-tiba seorang perempuan tua buta datang menghampiri kami, sampai kepada kami lalu bertanya: Adakah dalam rombongan kamu ada si fulan berbangsa Kurdistan? Ada apa? Tanyaku seraya menjawab akulah orangnya. Mari kemari katanya, aku pun menghampirinya, engkau rupanya kata perempuan itu, aku tidak faham maksudnya dan kemudian ia menyambung kata, anakku baru meninggal dunia beberapa hari lalu, dan dia meninggalkan sepasang pakaian ini,

lantas menghulurkan kepada lelaki tersebut, aku bertanya: Untuk apa pakaian ini? Aku bertanya kehairanan. Pakaian ini untuk mu! Katanya: Aku bermimpi jumpa Rasulullah SAW yang datang padaku dan menyuruhku memberikannya kepadamu. Betapa gembira hatinya apabila mendapat pakaian itu, khususnya apabila dikatakan bahawa pakaian itu diberikan kepadaku atas arahan Rasulullah SAW walaupun ia dalam mimpi.

Kami berangkat lagi sehinggalah kami tiba di Mekah, tempat yang akan kami habiskan umur dengan membuat amalan-amalan yang diredai Allah SWT sebaik sahaja kami bertaubat kepada-Nya.